

JKDM tak kompromi salah laku, pelanggaran etika

Pelbagai inisiatif berantas rasuah dilaksanakan, aduan terhadap pegawai menurun kepada 36 kes tahun lalu

Deh Saadiyah Ismail
saadiyah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) tidak akan berkompromi dengan sebarang salah laku atau pelanggaran etika dan menggesa semua pihak memasuki masyarakat umum dan sektor industri bersama-sama memainkan peranan dalam mengekang amalan rasuah demi kejayaan negara.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin, berkata pihaknya meletakkan komitmen tinggi terhadap agenda integriti dan membasmu gejala rasuah dengan melaksanakan pelbagai inisiatif.

Beliau berkata, antara inisiatif berkenaan ialah menggalakkan semua pihak menyalurkan maklumat mengenai sebarang bentuk penyelewengan dan hasilnya, jumlah aduan berkaitan salah laku

pegawai menunjukkan penurunan ketara pada 2024, dengan 86 kes berbanding 137 kes pada 2023 iaitu penurunan sebanyak 37 peratus.

"Pengurangan ini dikaitkan dengan perkhidmatan di pintu masuk penumpang di seluruh negara sejak pelaksanaan penggunaan kamera badan atau *Body Worn Camera* (BWC).

"Antaranya Cawangan Integriti ditubuhkan sejak 2014 di JKDM yang mempunyai 31 pegawai untuk menjalankan skop kerja merangkumi menyiasat, mengurus aduan salah laku, pemantauan dan memanjangkan sebarang maklumat berkaitan rasuah ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut.

"Melalui Cawangan Integriti, JKDM melaksanakan mekanisme pemantauan yang lebih ketat, memperkukuh sistem pengesanan dalaman dan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang salah laku dan setakat tahun lalu hanya 62 kes tatatertib direkodkan," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim me-

ingatkan JKDM terus memperkukuh nilai integriti dalam kalangan anggota dan pegawainya, selari dengan matlamat kerajaan MADANI dalam menentang rasuah.

Beliau dilaporkan berkata, insiden membabitkan enam pegawai JKDM dalam Ops Airways yang dikaitkan dengan sindiket penyeludupan di Pusat Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) harus dijadikan iktibar.

Mengulas lanjut, Anis Rizana berkata, pihaknya menyambut baik ingatan serta penegasan yang disampaikan Perdana Menteri mengenai kepentingan memperkukuh nilai integriti dalam kalangan warga JKDM.

Tingkat kesedaran petugas

Katanya, justeru latihan berkaitan integriti, rasuah dan etika kerja terus dilaksanakan bagi meningkatkan pemahaman serta kesedaran warga JKDM terhadap kepentingan akauntabiliti dan ketelusan.

"Bagi tahun ini, sebanyak 36 program dirancang dengan penekanan kepada sesi bicara integriti, turun padang, ceramah dan bengkel pemantapan, pene-

rapan nilai murni melalui elemen kebudayaan, infografik sambutan Hari Integriti serta kursus anjuran Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL).

"JKDM juga melaksanakan inisiatif seperti Sistem Dokumen Sokongan Import Eksport (SDSIE) dan Sistem SMARTGPE bagi mengurangkan kebergantungan kepada interaksi manusia dalam proses utama, sekali gus mengurangkan peluang berlakunya salah guna kuasa.

"Sebagai sebahagian daripada agenda reformasi perkhidmatan awam, JKDM juga melaksanakan sistem penggiliran atau pusingan kerja pegawai, khususnya di lokasi kritikal bagi mencegah penyalahgunaan kuasa," katanya.

Beliau berkata, JKDM sentiasa bekerjasama dengan SPRM dan Polis Diraja Malaysia serta agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan pemantauan dan tindakan terhadap salah laku dapat dilaksanakan lebih efektif seperti operasi Ops Sky.

"Justeru, JKDM komited memperkukuh integriti dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang telus, berkesan.

"Kami percaya hanya dengan budaya kerja yang bersih dan amanah, kita dapat memastikan hasil negara dipelihara dan keyakinan rakyat serta komuniti perniagaan terhadap JKDM terus utuh," katanya.



Anis Rizana